

2.0: DEFINISI ILMU EKONOMI

Ekonomi sebagai satu disiplin akademik, baru sahaja berusia dua abad. Ia bermula dengan lahirnya buku *The Wealth of Nation* dalam tahun 1776 oleh Adam Smith. Selepas itu diikuti dengan lahirnya buku *The General Theory of Employment, Interest dan Money* oleh ahli ekonomi British bernama John Maynard Keynes pada tahun 1936. Lanjutan daripada itu, disiplin ekonomi ini telah menjalani banyak perubahan dan peningkatan.

Kedua-dua buku ini menerangkan bahawa asas kajian ilmu ekonomi ini adalah disebabkan

- i. kehendak manusia yang tidak terhad, dan
- ii. pemilikan faktor-faktor pengeluaran yang terhad.


Maka secara umumnya, disiplin ilmu ekonomi ini boleh didefinisikan sebagai berikut;

Ekonomi adalah satu bidang kajian bagaimana manusia dan masyarakat memilih faktor-faktor pengeluaran yang terhad untuk digunakan dalam proses pengeluaran barang dan perkhidmatan yang berbagai-bagai dan membahagi-bahagikan untuk penggunaan hari ini dengan penggunaan masa depan, di antara beberapa kumpulan dalam masyarakat tersebut bagi memenuhi kehendak manusia yang tidak terhad.

Seorang lagi ahli ekonomi Inggeris yang terkenal di abad ke-19 iaitu Alfred Marshall (1842-1924) menerangkan ilmu ekonomi ini sebagai *satu kajian manusia dalam kehidupan sehari-harian*. Kenyataan ini menunjukkan bahawa ekonomi melibatkan proses **pilihan** iaitu pilihan bagaimana menggunakan faktor-faktor yang terhad ini dalam memenuhi kehendak manusia. Lazimnya, proses pilihan dan keputusan yang dibuat adalah tanpa kita sedari. Sebagai contoh, bagi seorang pelajar di sekolah, setiap kali masa rehat, kita akan pergi ke kantin untuk membeli makanan. Tanpa kita sedari semasa di kantin itu apa yang kita lakukan ialah kita membuat pilihan di antara makanan yang ada di kantin ini, seperti nasi ayam, mee goreng, mee hoon goreng, kueh-kueh yang berbagai-bagai, yang manakah yang akan kita beli dan seterusnya kita makan. Mengapa kita terpaksa membuat pilihan? Ini kerana jumlah wang (atau disebut juga sebagai faktor yang kita miliki) adalah terhad. Mungkin kita hanya memiliki wang berjumlah RM2.00 sahaja. Maka di dalam membelanjakan wang tersebut, kita terpaksa membuat pilihan ke atas barang makanan yang terdapat di kantin tersebut. Asas pilihan kita ke atas barang-barang makanan ini ialah

BAB 1: PENGENALAN KEPADA EKONOMI

- i. makanan yang manakah yang akan dapat memberi **kepuasan** yang tertinggi kepada kita, dan
- ii. barang makanan tersebut mestilah kita mampu kita beli dengan jumlah wang yang kita miliki tadi.



EKONOMI (Bahagian Mikroekonomi) Edisi Ke-4

Oleh Dr. Hamzaid Bin Yahya

www.drhamzaid.com